

2.4.2022

Siaran Media

oleh DATO' Ir. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

AMARAN SITUASI AIR PULAU PINANG: KAPASITI EMPANGAN AIR ITAM RENDAH MANAKALA PERMINTAAN AIR TINGGI

- **Empangan Air Itam: 38.5% pada 31.3.2022.**
- **Paras kolam air terawat Bukit Dumbar adalah rendah.**
- **Operasi rawatan air di 9 loji rawatan air telah dioptimumkan untuk memenuhi permintaan air yang tinggi.**

PULAU PINANG, Sabtu, 2.4.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memohon kerjasama pengguna air Pulau Pinang untuk menggunakan air secara berhemat pada April dan Mei 2022.

SIMPANAN AIR MENTAH EMPANGAN AIR ITAM RENDAH

Sehingga 31.3.2022, kapasiti efektif 3 empangan utama Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Empangan	Kapasiti efektif 1.1.2022	Kapasiti efektif 31.3.2022
1. Empangan Air Itam	89.3%	38.5%
2. Empangan Teluk Bahang	87.8%	73.5%
3. Empangan Mengkuang	93.2%	91.4%

Sejak 1.1.2022, kapasiti efektif Empangan Air Itam telah susut sebanyak 50.8% kepada "Tahap Amaran" 38.5%. Punca utama adalah hujan rendah di kawasan tadahan air (KTA) empangan ini.

Dalam tempoh 1.1.2022 – 31.3.2022, PBAPP merekodkan taburan hujan yang luar biasa rendah iaitu sebanyak 250mm di KTA Empangan Air Itam. Sebagai perbandingan, jumlah hujan yang direkodkan di KTA Empangan Teluk Bahang ialah 366mm manakala hujan di KTA Empangan Mengkuang berjumlah 1,128mm.

Punca kedua ialah permintaan air harian yang tinggi di perbandaran Air Itam dan kawasan sekitarnya.

Sila ambil perhatian bahawa satu-satunya cara untuk menambah simpanan Empangan Air Itam ialah menunggu hujan bermusim atau menghasilkan hujan (melalui pembenihan awan) di KTanya.

KOLAM AIR TERAWAT BUKIT DUMBAR PADA PARAS RENDAH

PBAPP juga telah merekodkan penggunaan air yang tinggi secara konsisten di Negeri Pulau Pinang sejak 3 bulan lalu sambil berusaha untuk melaksanakan kawalan cuaca kering untuk “mempertahan” kapasiti efektif empangan Pulau Pinang.

Pada 31.3.2022, penggunaan air bermeter adalah hampir 900 juta liter sehari (JLH), berbanding purata 860 JLH pada tahun 2021.

Air terawat yang dipam dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai ke Kolam Air Bukit Dumbar di bahagian pulau setiap hari (melalui 3 set saluran paip dasar laut berkembar) digunakan dengan pantas. Permintaan air di kawasan selatan bahagian Pulau agak tinggi dengan ketara.

Oleh yang demikian, paras air terawat di kolam air Bukit Dumbar adalah rendah. Oleh kerana paras air terawat adalah rendah, PBAPP tidak boleh mengepam air pada tekanan yang mencukupi ke semua kawasan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tanah lebih tinggi. Pam air akan terhenti secara automatik dan mungkin rosak.

TINDAKAN JANGKA PENDEK PBAPP UNTUK MENANGANI ISU AIR

PBAPP sedang melaksanakan pelbagai penyelesaian jangka pendek untuk menangani aduan “tiada bekalan air” atau “tekanan air rendah” di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan (SPS), di kawasan lereng bukit Air Itam dan di beberapa blok pangsapuri 5 tingkat di Bukit Gedung.

Penyelesaian ini merangkumi:

- Mempertingkatkan pengeluaran air terawat di semua 9 loji rawatan air di Pulau Pinang untuk memenuhi permintaan air yang tinggi setiap hari.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- Meningkatkan pengeluaran air terawat di LRA Air Itam, LRA Guillemard dan LRA Batu Ferringhi untuk menyokong pembentukan simpanan air terawat secara beransur-ansur di kolam air Bukit Dumar.
- Di Bukit Gedung, PBAPP telah memasang paip di pili bomba bagi menyediakan bekalan air kepada penduduk blok pangsapuri yang terjejas. Disebabkan tekanan air rendah, bekalan air kini hanya boleh sampai ke tingkat bawah dan tingkat satu beberapa blok pangsapuri.
- Menasihati syarikat pengurusan bangunan (termasuk perbadanan pengurusan pangsapuri Bukit Gedung) untuk memasang sistem pengepaman kediaman di HPA atau kawasan tanah yang lebih tinggi bagi mengurangkan isu tekanan air rendah semasa musim kemarau.

Penyelesaian jangka panjang kepada isu bekalan air di HPA dan kawasan tanah lebih tinggi di SPS, Air Itam dan Bukit Gedung adalah pelaksanaan Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) PBAPP yang tepat pada masanya. Sasaran hasil projek RWCP 2030 ialah 569 JLH, dan ketersediaan isipadu air tambahan ini seharusnya membantu meminimumkan isu air di seluruh Pulau Pinang ketika musim kemarau akan datang.

JIMAT AIR, GUNA SECARA BERHEMAT

Buat masa ini, pengguna air dinasihatkan untuk menggunakan air dengan berhemat sehingga musim antara monsun pada bulan April/Mei membawa hujan ke KTA empangan.

Elak menggunakan hos secara tidak perlu untuk mencuci kenderaan anda, menyiram tanaman/taman anda atau membersihkan rumah/kawasan rumah anda. Untuk lebih banyak tip penjimatan air, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my

